

21 JUN 1999

Razaleigh (Analisis Berita)

HARAPAN MENGGUNUNG DARIPADA PELANTIKAN TENGGU RAZALEIGH

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Dalam menghadapi kekuatan PAS yang memerintah Kelantan pada pilihan raya umum yang semakin hampir sekarang, tidak ada perkhabaran lebih menggembirakan Umno negeri itu daripada pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai ketuanya yang baru.

Pengumuman pelantikan itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden Umno pada akhir mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Umno negeri di kediaman Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamad di sini malam tadi. Dr Mahathir sendiri sebelum ini menyandang jawatan itu dengan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa selaku timbalannya.

Selain melihatnya sebagai satu "kejutan" yang dijanjikan Dr Mahathir beberapa hari sebelum Perhimpunan Agung Umno, kebanyakan anggota dan penyokong parti itu yang ditemui ketika bersiap-siap untuk pulang selepas menghadiri perhimpunan itu menganggap pelantikan Tengku Razaleigh itu sebagai titik mula lembaran baru perjuangan Umno Kelantan.

"Setelah hampir sedekad berada dalam keadaan tidak menentu, Umno Kelantan akhirnya memperolehi semula penawar paling mujarab bagi mengubati pelbagai penyakit yang dialaminya dalam tempoh itu.

"Dengan Tengku Razaleigh memegang semula teraju Umno negeri, peluang kita untuk merebut kembali teraju pemerintahan negeri Kelantan daripada tangan PAS nampaknya semakin cerah," kata seorang anggota perwakilan dari Kota Baharu.

Luahan perasaan itu menggambarkan harapan menggunung sebilangan besar anggota Umno Kelantan sejak sekian lama terhadap anggota Parlimen Gua Musang itu.

Bagi mereka, pelantikan itu suatu langkah terbaik bagi memberi nafas baru dan semangat juang yang tinggi di kalangan anggota serta menautkan kembali sebarang kerenggangan yang mungkin wujud di kalangan barisan kepimpinan parti di peringkat negeri itu.

Dilema Umno Kelantan bermula apabila Tengku Razaleigh menubuh dan menerajui Parti Melayu Semangat 46 (S46) apabila Umno diisytihar tidak sah pada 1987. Beliau tidak segera kembali ke pangkuan Umno apabila parti itu dihidupkan semula, tetapi sebaliknya bersekongkol dengan PAS serta beberapa parti pembangkang lain menerusi gabungan dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) pada pilihan raya umum 1990.

Seperti ada suatu keajaiban pada Tengku Razaleigh, pakatan parti pimpinannya dengan PAS menyaksikan Umno mengalami kekalahan paling teruk dalam sejarahnya apabila semua 39 calon Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 14 calon Parlimennya tewas.

Bagaimanapun, kekuatan Angkatan mula terjejas pada pilihan raya umum 1995 ekoran wujudnya tanda-tanda keretakan dalam jalinan kerjasama antara S46 dan PAS. Pada kali ini BN yang diterajui Umno berjaya memenangi tujuh kerusi DUN dan dua kerusi Parlimen, manakala Angkatan memperolehi 36 kerusi DUN iaitu 24 PAS dan 12 S46 serta 12 kerusi Parlimen iaitu enam PAS dan enam S46.

S46 dibubarkan pada 1996 dan Tengku Razaleigh serta ribuan penyokongnya, termasuk wakil rakyatnya kembali menganggotai Umno.

Pemerhati politik Kelantan merumuskan bahawa "pukulan maut" yang dialami BN pada 1990 dan kegagalannya menumbangkan kerajaan Angkatan pada 1995 bukan sekadar berpunca daripada kekuatan PAS dan kejituan pengaruh Tengku Razaleigh, tetapi turut membabitkan faktor "istana" dan perpecahan

di kalangan anggota dan pemimpin Umno negeri itu sendiri.

Sumber yang rapat dengan Istana Kelantan berkata, insiden seperti usaha menabalkan beberapa orang lain sebagai sultan ketika krisis perlembagaan berhubung isu kekebalan raja-raja sedang memuncak pada 1993 amat menggores perasaan Sultan sekarang sehingga sukar bagi baginda memaafkan pemimpin-pemimpin Umno yang menerajui usaha itu.

"Pengaruh Istana tidak boleh diketepikan dalam masyarakat Kelantan yang masih tebal pegangannya kepada adat dan budaya. Bila Sultan tergores perasaan, rakyat juga rasa terhina sehingga sukar bagi mereka untuk menjadikan Umno atau mana-mana parti lain yang tidak menghormati institusi raja sebagai parti tempat bernaung," kata satu sumber itu.

Dalam konteks itulah, banyak kalangan berpendapat kehadiran Tengku Razaleigh sebagai Ketua Perhubungan yang baru akan memberi manfaat besar kepada Umno kerana "Umno yang rapat dengan istana bererti Umno yang diterima oleh rakyat".

Menurut seorang tokoh korporat yang juga ahli politik Kelantan, walaupun Sultan sendiri bebas daripada pengaruh politik, penampilan Tengku Razaleigh menerajui Umno akan dilihat oleh rakyat Kelantan sebagai suatu wadah yang akan mendekatkan Umno kepada baginda.

Ini ialah kerana Tengku Razaleigh sendiri seorang kerabat diraja Kelantan, bahkan bapa saudara kepada Raja Perempuan Kelantan.

Menurut tokoh korporat itu, selain faktor tersebut, bukanlah suatu rahsia umum lagi bahawa satu daripada punca kelemahan Umno Kelantan selama ini ialah kerana ia dibelenggu oleh kewujudan beberapa kumpulan yang mempunyai agenda tersendiri.

"Daripada pengamatan kami, selain Tengku Razaleigh, tidak ada seorompok tokoh tempatan yang boleh meruntuhkan benteng yang memisahkan antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain itu," katanya.

Selain berpengalaman luas di bidang politik, Tengku Razaleigh juga mempunyai suatu kelebihan yang tidak kelihatan pada pemimpin-pemimpin Umno Kelantan lain.

"Kerana ketokohnya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, segala panduan, tunjuk ajar dan teguran Tengku Razaleigh sudah pasti dihormati oleh semua peringkat kepimpinan Umno negeri," kata seorang anggota perwakilan Kelantan yang pernah menjadi anggota Parlimen ketika Tengku Razaleigh menerajui Umno negeri itu suatu ketika dulu.

Bekas Menteri Kewangan itu mengetuai Perhubungan Umno Kelantan mulai 1972 sehingga diambil alih oleh bekas Menteri Besar Tan Sri Mohamed Yaacob pada 1984.

Pembabitan Tengku Razaleigh dalam Umno merupakan satu rekod dan kelebihan yang tersendiri dalam konteks negeri Kelantan. Beliau menyertai parti itu dan seterusnya dipilih sebagai ahli Parlimen Hulu Kelantan pada 1962, ketika berumur 25 tahun dan anggota Majlis Tertinggi Umno setahun kemudian.

Tengku Razaleigh juga menyandang jawatan Naib Presiden Umno selama 14 tahun sehingga 1987.

-- BERNAMA

AM MAI